

Rancangan buat pantomim Memali sandiwara Pas

UM 9 MAR 2002

SIK 8 Mac — Rancangan Pas untuk membuat pantomim mengenai peristiwa Memali merupakan usaha terbaru parti itu untuk bersandiwara dan membuat fitnah.

Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, usaha tersebut merupakan cara Pas yang sebenarnya bersandiwara tetapi dalam masa yang sama mahu menuduh orang lain membuat fitnah.

Perdana Menteri mengulas langkakah parti itu untuk melakonkan semula peristiwa Memali dalam bentuk pantomim dan filemnya diedarkan kepada orang ramai.

Ketika berucap pada Majlis Mesra Bersama Pemimpin di sini hari ini, Dr. Mahathir berkata, orang Islam tidak harus membunuh orang Islam lain.

“Tetapi dalam peristiwa di Kampung Memali, orang Islam (polis) yang sedang menjalankan tugas telah dibunuh dan kemudian Pas mengisytiharkan ahlinya yang mati dalam kejadian itu sebagai syahid,” kata Dr. Mahathir.

“Mana kita tahu... di mana mereka (yang mati) itu akan ditempatkan... mereka terlibat dengan pembunuhan orang Islam lain,” katanya.

Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor

dalam ceramahnya di Johor Bahru baru-baru ini mempertahankan bahawa penyokong Pas yang terbunuh di dalam peristiwa Memali adalah mati syahid kerana mereka berjihad walaupun Majlis Fatwa Kebangsaan membuat keputusan kematian tersebut bukan mati syahid.

Menurut Dr. Mahathir, rakyat sudah lama tahu cara-cara parti itu membuat fitnah dan berbohong.

Memanjat

Pada pilihan raya 1959, kata Dr. Mahathir, ahli Pas memanjat pokok kelapa pada waktu pagi dan menyuruh orang Islam menyokong parti itu kononnya ia merupakan ‘seruan dari langit’.

Selepas itu, katanya, mereka mendakwa pula sembelihan orang UMNO tidak halal, tetapi orang Pas tidak sedar mereka makan juga daging sembelihan orang UMNO di dalam jamuan atau majlis tertentu.

“Inilah cara Pas memecah belah umat Islam, sehingga sanggup mendakkan keIslaman penyokong UMNO,” katanya lagi.

Sebelum itu, Dr. Mahathir mengingatkan rakyat negara ini bahawa umat Islam di negara lain sedang ditindas, diseksa serta dihina kerana

lemah dan tidak memiliki keupayaan untuk mempertahankan diri.

Beliau memberi contoh bagaimana Israel menyerang rakyat Palestin tanpa sedikit pun risau bahawa terdapat umat Islam yang lebih ramai di negara Arab berhampiran.

“Sepatutnya mereka boleh menghalang Israel daripada menyerang rakyat Palestin, tetapi tidak boleh berbuat apa-apa untuk menyelamatkan umat Islam yang lain,” ujarnya.

Kata Dr. Mahathir, walaupun umat Islam ramai tetapi kerana perpecahan, mereka terpaksa tunduk kepada kumpulan yang lebih kecil dan berpengaruh.

Beliau menyebutkan perkara itu untuk mengingatkan rakyat bahawa di negara ini pun sudah ada usaha untuk memecah belahkan orang Islam dan memburukkan umat Islam yang lain.

Menurut Dr. Mahathir, sebelum wujudnya Pas, orang Melayu di negara ini hidup bersatu padu untuk menentang Malayan Union dan berjuang menuntut kemerdekaan.

“Malangnya, hari ini orang Melayu telah berpecah kerana hasutan Pas,” katanya.